

IMEJ WANITA INDIA DALAM
CERPEN N. MAGESWARI

RIINAH A/P PERIASAMY

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

**IMEJ WANITA INDIA
DALAM CERPEN N. MAGESWARI**

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai imej wanita India dalam cerpen N. Mageswari. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti citra wanita yang terdapat dalam cerpen-cerpen karya N. Mageswari. Kajian ini juga menganalisis perjuangan kaum wanita dalam cerpen-cerpen tersebut. Kajian ini turut dijalankan untuk menilai kepengarangan penulis N. Mageswari. Di samping itu, kajian ini memberi kesempatan untuk lebih mengenali imej wanita dan mengiktiraf kedudukan mereka dalam struktur sosial masyarakat India. Pendekatan ini akan mewujudkan kesedaran dalam kalangan kaum wanita tentang hak mereka dalam masyarakat. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah-kaedah ini membantu mengumpul dan menganalisis data dalam kajian ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada pemikiran feminisme. Melalui kajian ini, pengkaji menerangkan imej wanita, perjuangan kaum wanita dan kepengarangan pengarang. Justeru, pengkaji lebih menekankan kebebasan kaum wanita dan kesengsaraan hidup yang dialami oleh kaum wanita. Pengkaji juga turut membincangkan beberapa cerpen yang memaparkan masalah wanita dan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Dengan ini, pengkaji berharap bahawa kajian ini akan memberi sumbangan kepada kaum wanita dalam memperbaiki kehidupan mereka dan menggalakkan mereka supaya lebih berani dan berkeyakinan diri dalam menempuh liku-liku hidup.

**THE IMAGE OF INDIAN WOMEN IN N. MAGESWARI
SHORT STORIES**

ABSTRACT

This study is about the image of Indian women in N. Mageswari short stories. The purpose of the study was to identify the roles and characteristics portrayed by the women in the short story. The study analyzed the struggles of the women in the short stories. The study was conducted to assess the authorship of the writer N. Mageswari. Besides that, the study provided an opportunity to better understand images of women and to recognize their position in the social structure. This approach will create awareness among the Indian women about their rights in the society. The research methods used in this study were library and text analysis. These research methods assisted in collecting and analyzing the data for this study. This study puts emphasis on the idea of feminism. Through this study, the researcher emphasizes more on the women freedom and the hardship they went through. The researcher also discussed several short stories which narrated women problems and solutions to their predicaments. With this, the researcher hopes that this study will contribute to the women to improve their lives and encourage them to be more courageous and self confident in facing problems.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
TRANSLITERASI	xi
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	13
1.8 Sumber Kajian	14

1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Cerpen	16
1.9.2	Teori Feminisme	19
1.9.3	Imej Wanita	22
1.9.4	Perjuangan Wanita	24
1.10	Kesimpulan	24
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Kajian-kajian terdahulu	27
2.3	Kesimpulan	41
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	42
3.2	Reka bentuk Kajian	43
3.3	Kerangka Kajian	44
3.4	Kaedah Kajian	46
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	46
3.4.2	Kaedah Analisis Teks	47
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	48
3.5.1	Penelitian Data	48
3.5.2	Menganalisis Data	49
3.5.3	Mengenal pasti Data	49
3.6	Teori Feminisme	50
3.7	Kerangka Teori	54
3.8	Kesimpulan	56

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	57
4.2	Pemikiran Feminisme dalam cerpen N. Mageswari	58
4.3	Imej wanita India dalam cerpen N. Mageswari	58
4.3.1	Wanita sebagai isteri	59
4.3.2	Wanita sebagai ibu	65
4.3.3	Wanita sebagai anak dara (gadis)	72
4.3.4	Wanita sebagai anak perempuan	76
4.3.5	Wanita sebagai kekasih	80
4.3.6	Wanita sebagai kakak	82
4.4	Perjuangan Wanita	84
4.4.1	Perjuangan wanita dalam keluarga	85
4.4.2	Perjuangan wanita dengan kekasih	91
4.4.3	Perjuangan wanita dengan suami	95
4.4.4	Perjuangan wanita membanteras kemiskinan keluarga	105
4.4.5	Perjuangan wanita menyelamatkan anak	122
4.4.6	Perjuangan wanita menghadapi gangguan seksual	127
4.4.7	Perjuangan wanita terhadap masyarakat	138
4.4.8	Perjuangan wanita memperoleh pendidikan	147
4.5	Penggunaan Pemikiran Feminisme	154
4.6	Kepengarangan Pengarang	156
4.6.1	Latar belakang dan Kepengarangan N. Mageswari	157
4.6.2	Kepengarangan N. Mageswari	159
4.6.3	Kedudukan dan sumbangan dalam dunia Kesusasteraan Tamil	167
4.7	Kesimpulan	168

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	172
5.2	Imej Wanita India Dalam Cerpen N. Mageswari	173
5.3	Perjuangan Wanita India Dalam Cerpen N. Mageswari	175
5.4	Kepengarangan Pengarang	177
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	178
5.6	Kesimpulan	180

RUJUKAN	181
----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Cerpen yang dipilih untuk kajian	14
Jadual 4.1	Punca Orang Hilang dari Tahun 2000 hingga 2006	95
Jadual 4.2	Taburan Peratus Tenaga Buruh Kaum Wanita di Malaysia, 1982-2012	119
Jadual 4.3	Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik di Malaysia, 1970-2012	121
Jadual 4.4	Pendapatan Kasar Bulanan Isi rumah Purata Mengikut Etnik di Malaysia, 1970-2012	122
Jadual 4.5	Jumlah angka gangguan seksual dari tahun 1997 hingga 2010	138
Jadual 5.1	Imej Wanita India Dalam Cerpen N. Mageswari	175
Jadual 5.2	Perjuangan Wanita India Dalam Cerpen N. Mageswari	177

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
Rajah 3.1	Kerangka Kajian	45
Rajah 3.2	Kerangka Teori	55

TRANSLITERASI

Penggunaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

உயிரெழுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Vokal

அ - a	ஈ - ī	எ - e	ஓ - o
ஆ - ā	உ - u	ஏ - ē	ஔ - ō
இ - i	ஊ - ū	ஐ - ai	ஒள - au

மெய்யெழுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Konsonen

க - k	ங் - ṅ	ய் - y	ன் - ṇ
ச - c	ஞ் - ṇ̃	ர் - r	ற் - ṛ
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l	ள் - ḷ
த் - t	ந் - n	வ் - v	ஃ - ḷ
ப் - p	ம் - m	ழ் - ḷ	

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan merupakan bidang yang luas yang meliputi beberapa jenis genre seperti puisi, drama, novel dan cerpen. Karya sastra merupakan sebahagian daripada seni sedangkan seni merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Karya sastra juga memberikan ilmu pengetahuan kerana karya sastra merupakan cerminan daripada kenyataan dan kebudayaan sesuatu bangsa.

Hashim Awang (1981) menyatakan bahawa kesusasteraan ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Sastra juga memiliki keindahan dari aspek isi atau daya pengucapannya. Menurut Ali Ahmad (1994), sastra bererti seni sastra atau seni bahasa

dan secara umumnya dimaksudkan persuratan. Sastera juga menyimpulkan maksud yang terdekat iaitu kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah. Beliau juga menyatakan bahawa kata sastera berasal daripada bahasa Sanskrit yang bererti kitab suci.

Shahnon Ahmad (1995) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan kesenian yang berteraskan cinta. Cinta membawa maksud perasaan sayang kepada keindahan dan cinta kepada kebenaran. Para sasterawan mencipta karya sastera untuk membangunkan peribadi manusia supaya cinta memberi keindahan dan kebenaran. A. Samad Said (1997) juga menyatakan bahawa sastera sebagai rakaman dan renungan interaksi insan seni. Setiap karya yang tercipta mendekatkan insan seni kepada cakerawala Tuhan dan sesama makhluk. Oleh itu, ciptaan karya mestilah khasiat untuk minda manusia.

Usman Awang (1997) pula menjelaskan bahawa sastera meliputi semua aspek kehidupan manusia. Beliau juga menyatakan bahawa budaya dilahirkan daripada penghidupan bersama masyarakat. Jais Sahok (2012) menyatakan bahawa sastera membantu pembaca untuk berfikir dan memahami dunia karya sastera. Karya sastera juga menggambarkan kehidupan kreatif seseorang pengarang dan mengungkapkan keperibadian pengarangnya.

Secara keseluruhannya, sastera mencerminkan sejarah dan kehidupan sesebuah masyarakat. Karya sastera ialah alat yang memperlihatkan pemikiran sesuatu masyarakat. Sastera juga menjadi bahan bukti yang menghuraikan dan mengisahkan sejarah purba sesuatu masyarakat. Karya sastera juga mengemukakan pelbagai fenomena yang terdapat

dalam sesuatu masyarakat.

Oleh sebab itu, sastera juga dapat mendorong kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini kerana melalui karya sastera seseorang dapat memahami isi tersurat dan tersirat, menemukan sebab-akibat dan kaitan antara pelbagai peristiwa dalam ceritanya. Karya sastera juga menceritakan nilai-nilai moral dari segi situasi sosial dan sejarah sesuatu masyarakat. Hasil karya seseorang penulis mampu melahirkan insan yang mulia dan baik.

Pengkaji memilih genre cerpen untuk membuat kajian kerana cerpen merupakan jenis sastera moden yang popular sejak abad ke-19. Genre cerpen merupakan komponen sastera moden yang popular sehingga dipilih sebagai bahan pembelajaran di sekolah menengah sehingga peringkat universiti.

Cerpen didefinisikan sebagai cerita pendek yang mempunyai tema dan struktur seperti nilai, bahasa, latar, plot dan watak. Cerpen ditakrifkan sebagai “cerita” dan “sebab”. Cerpen juga membawa maksud cerita pendek. Cerita pendek ialah suatu situasi yang digambarkan singkat dengan cepat tiba pada tujuannya.

Kajian ini mendorong teori feminisme dalam cerpen karya N. Mageswari. N. Mageswary merupakan seorang sasterawan yang amat popular dalam bidang cerpen di Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman berkarya selama 52 tahun dalam bidang sastera. Beliau juga banyak menerima anugerah bagi hasil karya cerpen dan novel. Kebanyakan

tema yang dipilih oleh N. Mageswari dalam karya cerpennya adalah berkaitan dengan kewanitaan dan kejayaan wanita. N. Mageswari mula menjejak kaki dalam bidang sastera pada tahun 1957 dan beliau masih meneruskan hasil sasteranya sehingga hari ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hasil sastera berbentuk cerpen merupakan genre sastera yang sangat popular dalam kalangan masyarakat. Walaupun cerpen wujud sejak tahun 1930an, namun cerpen mula berkembang di negara kita sejak zaman kemerdekaan iaitu pada tahun 1957 hingga sekarang. Cerpen memberi mesej yang mengandungi nilai murni yang sama tandingnya dengan genre novel.

Agilan (1976) seorang sasterawan Tamil yang terkenal menyatakan bahawa cerpen merupakan genre sastera yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Beliau juga menyatakan bahawa cerpen sebagai karya ringkas yang mengisahkan sesuatu masalah yang dihadapi oleh seseorang individu atau sesuatu masyarakat. Menurut A.Samad Said (1995), cerpen ialah satu penterjemahan pengalaman seseorang yang seterusnya dipindahkan oleh cerpenis kepada seseorang individu.

Genre cerpen menggambarkan masyarakat serta menyampaikan mesej yang padat. Cerpen dibentuk berdasarkan tema sama ada tema utama atau tema sampingan yang sama disampaikan dalam novel. Di samping itu, cerpen juga memaparkan pelbagai konsep dan

perkara menerusi hasil pandangan dan pengalaman penulis. Penulis juga berkongsi pengalaman dan menyampaikan mesejnya melalui hasil cerpen. Antara tema yang selalu disampaikan oleh penulis ialah kewanitaan, kekeluargaan, masyarakat, kasih sayang, perceraian, percintaan dan sebagainya.

Walaupun cerpen merupakan satu cerita ringkas yang mengandungi semua aspek sastra yang terdapat dalam novel namun cerpen disampaikan dalam lingkungan 6-10 muka surat dan tidak akan mengambil masa yang lama untuk membaca. Cerpen digarap berdasarkan satu pengalaman atau satu perkara tertentu. Cerpen juga menghiburkan dan mengisi masa lapang masyarakat pada masa dahulu.

Pada awalnya, sastra berbentuk puisi digunakan dalam bidang kesusasteraan Tamil. Di Malaysia, genre sastra mula berkembang pesat pada abad ke 18. Karya berbentuk puisi kurang diberi perhatian setelah sastra cerpen mula berkembang. Perkembangan karya sastra di India menjadi panduan pedoman kepada perkembangan sastra dan penulis-penulis di Malaysia.

Menurut Balabaskaran (1995), perkembangan cerpen di Malaysia boleh dibahagikan kepada enam peringkat. Beliau menyatakan bahawa perkembangan cerpen antara tahun 1930-1941 dikenali sebagai tahap permulaan. Peringkat kedua ialah semasa zaman pemerintahan Jepun iaitu antara tahun 1942-1945. Seterusnya, dari tahun 1946 hingga 1952 dikenali sebagai zaman penamatan. Peringkat yang keempat ialah zaman sebelum kemerdekaan iaitu dalam lingkungan tahun 1953-1957. Peringkat kelima pula,

pada zaman selepas kemerdekaan iaitu antara tahun 1958 hingga 1969. Akhir sekali, antara tahun 1970 hingga 1978 dikenali sebagai zaman kemerdekaan.

Akhbar Tamil Nesan memberi dorongan kepada penulis-penulis tempatan dengan menerbitkan cerpen-cerpen mereka. Sastera Tamil di Malaysia berkembang dengan bantuan akhbar dan majalah Tamil. Selepas tahun 1957, penulis-penulis cerpen mula menggunakan pendekatan yang berbeza supaya meningkatkan tahap sastera cerpen untuk menarik minat para pembaca. Pada tahun 1970an sastera cerpen mula mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat India di Malaysia. Di samping itu, cerpen yang pertama dihasilkan oleh Varanageri Vengada Subramanya Iyer dianggap sebagai cerpen Tamil yang pertama yang mempunyai ciri-ciri cerpen. Antologi cerpen ini diterbitkan pada tahun 1917.

Pada mulanya, iaitu dalam lingkungan tahun 1930-1941 tema cerpen banyak memaparkan isu-isu di India. Hampir tiga perempat tema, latar, isu-isu dan watak yang dipilih dalam cerpen Tamil Malaysia adalah mempunyai latar belakang Tamil Nadu, India. Kebanyakan tema yang dipilih oleh penulis mengaitkan masalah percintaan dalam kalangan masyarakat India. Cinta, perkahwinan, kemajuan wanita, penderitaan pekerja, keperwiraan, patrolisme dan masalah arak merupakan tema yang sering mendasari dalam cerpen pada masa dahulu.

Cerpen yang baik dipilih berdasarkan tema dan plot cerita yang menarik minat pembaca. Kebanyakan tema mencungkilkan pemikiran masyarakat dan revolusi baru

mula diperlihatkan dalam kalangan masyarakat. Sehingga hari ini, pemilihan tema oleh penulis adalah berdasarkan isu-isu yang berlaku di sekelilingnya. Oleh demikian, hasil penulisan pengarang telah berjaya menarik minat pembaca. Penulis juga menggunakan tema yang baharu dan bersesuaian mengikut peredaran masa.

Ketokohan N. Mageswari sebagai penulis mula menyerlah pada tahun 1957. Hasil tulisannya amat dihargai di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Hasil cerpen beliau pernah tersiar dalam surat khabar di India. Hasil sastera N. Mageswari adalah setanding dengan penulis-penulis di India dan Sri Lanka.

N. Mageswari bukan sahaja berjaya mengungkapkan tema yang menarik malah juga menganalisis sesuatu isu atau masalah lalu mengaitkannya dengan temanya. Hasil karya beliau banyak menekankan nilai moral dan budaya. Beliau menerbitkan banyak cerpen dalam surat khabar Tamil di Malaysia. Selain itu, beliau turut menerbitkan empat buah antologi cerpen. N. Mageswari telah memuatkan sebanyak 68 buah cerpen dalam empat buah antologi cerpen tersebut. Beliau juga menerbitkan sebuah novel pada tahun 1980.

Antologi cerpen yang pertama N. Mageswari ialah *Pīrantāṇal Paricu* membawa maksud *Hadiah Hari Jadi* diterbitkan pada tahun 1980. Kumpulan cerpen yang kedua ialah *Tāyṁaiḱku oru Tavam* yang bermaksud *Pengorbanan Seorang Ibu* diterbitkan pada tahun 1985. Kumpulan cerpen yang ketiga ialah *Makēcuvariṁ Cuṟukataikaḷ* yang bermaksud *Cerpen Karya Mageswari* diterbitkan pada tahun 2003 dan kumpulan cerpen

yang keempat ialah *Niṇaivukaḷaic Cumantappati* yang bermaksud *Memikul Kenangan* yang diterbitkan pada tahun 2010.

Pengkaji memilih 14 buah cerpen N. Mageswari yang mengandungi pemikiran feminisme untuk kajiannya.

1.3 Permasalahan Kajian

Kebanyakan para sarjana dan peneliti sastra lebih gemar mengkaji karya-karya penulis lelaki yang kelihatan lebih menonjolkan prestasinya berbanding dengan penulis wanita. Atas kesedaran untuk mendekati penulis wanita tanah air, pengkaji cuba menyelami karya-karya hasil N. Mageswari yang merupakan seorang wanita yang mampu mengalirkan makna tersendiri tentang imej dan perjuangan kaum wanita dari sudut wanita. Selain itu, kajian tentang imej wanita India dan perjuangan wanita dalam cerpen N. Mageswari kurang dijalankan dalam kajian-kajian dahulu.

Pengkaji memilih cerpen yang telah diterbitkan pada tahun 1963 hingga 2009 oleh N. Mageswari. Hal ini kerana pengkaji cuba menerangkan dan membandingkan imej dan perjuangan kaum wanita India mengikut zaman dahulu yang berbeza-beza.

Siti Khariah (2009) menyatakan bahawa feminisme bertujuan melindungi kepentingan wanita yang semakin terancam, mengalami keruntuhan moral dan akhlak

serta kehilangan idealisme dan hala tuju.

Othman Lebar (2012) pula berpendapat bahawa permasalahan kajian boleh dijana melalui pelbagai sumber. Pengalaman peribadi biasanya boleh dijadikan sumber untuk membina dan memahami masalah atau isu-isu yang menjadi tumpuan kajian. Selain itu, masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan dengan tugas harian juga boleh dijadikan fokus kajiannya.

Melalui kajian ini, pengkaji cuba menunjukkan pelbagai imej dan citra wanita yang ditonjolkan oleh penulis. Penulis menonjolkan pelbagai imej dan citra wanita seperti perbandingan kedudukan, masalah dan cara berfikir wanita, melalui watak dan perwatakan wanita dan juga minda penulis terhadap diri wanita. Dengan ini, pembaca dapat mengetahui fenomena yang berlaku dalam masyarakat dalam konteks wanita pada sesuatu masa tertentu.

Sejak zaman dahulu lagi, wanita dipandang hina dan rendah oleh sesetengah orang atau masyarakat kerana mereka tidak terdaya dan kurang berani berbanding dengan lelaki. Untuk mengubah sistem perhambaan dan penyeksaan kaum wanita, penulis N. Mageswari cuba memaparkan perjuangan wanita yang berani memperjuangkan hak asasi mereka. Melalui kajian ini, pengkaji cuba mewujudkan kesedaran dalam kalangan kaum lelaki supaya mereka harus menghormati kaum wanita dan memberikan hak yang sepatutnya kepada mereka.

Pengkaji telah menjalankan kajian untuk menilai pemikiran kaum wanita pada zaman dahulu dan didapati kesedaran kaum wanita bermula di Eropah. Menjelang abad ke-20, beberapa orang pemimpin wanita yang berwibawa menuntut hak wanita pada peringkat nasional dan global. Selain itu, kajian ini turut cuba menegakkan hak mendapatkan kebebasan bagi kaum wanita. Kebebasan kaum wanita ditonjolkan melalui setiap watak wanita dalam karya N. Mageswari. Justeru, pengkaji menjalankan kajian untuk menilai pemikiran dan pandangan serta kedudukan wanita pada zaman tersebut untuk membandingkan dengan wanita pada zaman sekarang.

Pelbagai masalah sosial seperti masalah keluarga, wanita, kanak-kanak, kemiskinan, perkahwinan dan masalah masyarakat umum yang berkaitan dengan kaum wanita India ditunjukkan dengan jelas dalam kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji cuba menerangkan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Imej wanita yang terpapar dalam cerpen-cerpen yang terhasil akibat segala liku dan kancah kehidupan kaum wanita India turut dikaji oleh pengkaji. Hal ini ditunjukkan agar kaum lelaki dapat memahami kesengsaraan hidup kaum wanita dalam menempoh liku-liku hidup.

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian ini dapat memperlihatkan imej wanita masyarakat India yang diterangkan oleh penulis N. Mageswari. Kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan yang akan memberi gambaran jelas mengenai masyarakat India dan latar hidup mereka.

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti beberapa aspek khususnya dari segi pemikiran feminisme masyarakat India berdasarkan cerpen N. Mageswari. Cerpen ini menonjolkan imej wanita dan permasalahan wanita dalam masyarakat. Karya N. Mageswari menghubungkan kaum wanita dengan peristiwa yang berlaku di sekeliling kita. Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti imej wanita India dalam cerpen N. Mageswari.
2. Menganalisis perjuangan wanita India dalam cerpen N. Mageswari.
3. Menilai kepengarangan penulis N. Mageswari.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang digunakan dalam kajian ini.

1. Apakah imej wanita India yang digambarkan oleh dalam cerpen N. Mageswari?
2. Apakah perjuangan wanita India yang digambarkan dalam cerpen N. Mageswari?
3. Bagaimanakah kepengarangan penulis N. Mageswari dicerminkan dalam cerpennya?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan yang tersendiri. Begitu juga dengan kajian ini. Dalam kajian ini, pemikiran feminisme iaitu imej wanita masyarakat India dalam cerpen karya N. Mageswari menjadi bahan kajian. Kajian pemikiran feminisme ini akan memberi impak kepada pengkaji dan pembaca. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan gambaran dan pandangan tentang penggunaan teori serta pendekatan dan penglibatan tokoh-tokoh pengkritik dalam teori feminisme.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada pembaca dan juga pengkaji. Hal ini akan membantu mereka dalam mengkaji penggunaan aspek pemikiran feminisme untuk menggambarkan aliran pemikiran dan keadaan wanita mengikut mengikut peredaran masa. Di samping itu, memberikan pengajaran kepada pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan dan kesan permasalahan masyarakat yang berlaku di sekeliling kita.

Dalam kajian ini juga, pengkaji dapat meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesuatu kritikan dan pandangan melalui pengaplikasian pemikiran feminisme dan pendekatan sastera. Justeru, secara tidak langsung dapat mengangkat bidang kritikan sastera dalam bidang kesusasteraan Tamil sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain.

Kajian cerpen N. Mageswari, akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan tentang aspek pemikiran feminisme. Selain itu, kajian ini dapat menambahkan khazanah ilmu kesusasteraan lagi dan menarik minat para sarjana membuat kajian dan penyelidikan tentang pemikiran feminisme.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada cerpen-cerpen karya N. Mageswari sahaja. Hal ini kerana pengkaji ingin melakukan kajian yang terperinci tentang pemikiran feminisme dalam cerpen N. Mageswari yang banyak memaparkan nilai dan kehidupan masyarakat India terutama kaum wanita.

Cerpen hasil beliau diambil daripada empat kumpulan cerpen. Pengkaji memilih 14 cerpen karya N. Mageswari kerana kesemua cerpen yang dipilih itu memaparkan emansipasi wanita berdasarkan teori feminisme. Hasil karya beliau menerangkan dengan teliti tentang imej dan pengorbanan kaum wanita. Beliau juga pernah menerima banyak anugerah dalam bidang penulisan. Oleh itu, hasil karya beliau layak menjadi bahan untuk meneliti pemikiran feminisme. Senarai buku hasil cerpen-cerpen karya N. Mageswari adalah seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1

Cerpen yang dipilih untuk kajian

Bil	Tajuk Cerpen
1	<i>Caran̄aṭaiyum Tarun̄ānkāl</i>
2	<i>Ninaivukal̄iṇ Payan̄am</i>
3	<i>Alakiya Kan̄anē</i>
4	<i>Kan̄nē itu Kaliyukam</i>
5	<i>Kān̄āmal Pōṇa Kan̄avaṇ</i>
6	<i>Piriyamutan̄ Pilip Tivukku</i>
7	<i>Pennē Nī Pulveliyalla</i>
8	<i>Arumai Makalē Vantuvitū</i>
9	<i>Ninaivukalaic Cumantappati</i>
10	<i>Uyirē Un̄ Vilai En̄na?</i>
11	<i>Caran̄alaiyam</i>
12	<i>Pattukku Vanta Katitam</i>
13	<i>Pillai Kan̄iyamutē</i>
14	<i>Man̄ataikka M̄an̄putaiyal̄ Aki</i>

1.8 Sumber Kajian

Sesuatu kajian melibatkan beberapa sumber untuk penyelidikan. Pengkaji menggunakan dua cara penyelidikan yang utama, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks. Oleh itu, pengkaji membuat kajian berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan dan yang masih dalam bentuk bahan bacaan untuk mengumpulkan data-data yang bersesuaian. Bahan-bahan ini membantu pengkaji untuk membuat kajiannya dengan lancar dan bersistematik.